



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN KESANTUNAN BERBAHASA DALAM NOVEL-NOVEL KOMSAS

MUSTAFA AL-BAKRI BIN HASHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK SARJANA INI DIKEMUKAKAN
BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2009**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

18 Oktober 2009

MUSTAFA AL-BAKRI BIN HASHIM

M20072000595



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-NYA dapat juga kertas projek ini disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya hulurkan kepada Dr. Abu Hassan bin Abdul selaku penasihat akademik dan juga penyelia projek ini yang telah menggembelngkan tenaga tanpa mengira masa dan penat lelah dalam berkongsi buah fikiran dan juga memberikan bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang sangat besar maknanya kepada saya dalam usaha menyempurnakan kertas projek ini. Kesabaran, kesungguhan dan komitmen yang beliau tunjukkan amat saya kagumi.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Institut Pengajian Siswazah dan juga barisan tenaga pengajar Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya para pensyarah di Fakulti Bahasa.

Saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu demi menjulang cita-cita bersama. Rakaman terima kasih juga buat barisan pentadbir, rakan-rakan sejawat dan anak-anak didik Sekolah Menengah Alang Iskandar, Bagan Serai yang begitu memahami dan memberikan galakan kepada saya dalam menuntut ilmu dan menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali, buat isteri serta anak-anak yang tersayang; Puan Shahinoremi binti Mohd Rusok, Nabil Al-Bakri, Dzarif Al-Bakri dan Anis Al-Bakri yang telah banyak berkorban masa dan senantiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa buat keluarga yang memahami dan menyokong perjuangan ini.

Sesungguhnya, segala kekurangan dan kelemahan itu datangnya daripada diri saya sendiri kerana sesuatu yang sempurna itu milik Allah S.W.T. sahaja. Semoga Allah S.W.T. membalas budi baik kepada semuanya.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini diusahakan untuk mengkaji tentang kesantunan berbahasa. Kajian ini dibuat dengan memfokuskan novel-novel komponen sastera (Komsas) yang diajar di sekolah-sekolah menengah. Novel yang dipilih adalah novel "Aku Anak Timur", "Kapten Hassan", "Merdeka! Merdeka!", "Perlumbaan Kedua" dan "Julia". Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan berdasarkan lima strategi iaitu Strategi Maaf, Strategi Terima Kasih, Strategi Panggilan dan Strategi Budaya. Kajian ini bertujuan mengkaji bentuk kesantunan berbahasa dalam lima novel Komsas. Selain itu, untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam novel kajian. Kajian juga bertujuan untuk membuktikan bahawa nilai-nilai kesantunan Islam berperanan dalam pembentukan sahsiah pelajar di sekolah.





ABSTRACTAS

The purpose of this study is to look at the politeness in speaking. The study is carried by focussing on the novels in the Malay Literature Component (KOMSAS) which are used in Malaysia Secondary school system. The selected novels are *Aku Anak Timur*, *Kapten Hassan*, *Merdeka! Merdeka!*, *Perlumbaan Kedua* and *Julia*. The study uses Library Method which is based on five strategies; *Maaf*, *Terima Kasih*, *Rabbani*, *Panggilan* and *Budaya*. The study looks at the form in politeness in speaking in five KOMSAS novels. It is also to identify the similarities and differences in its characteristics. Another purpose of this study is to prove that the values of politeness in Islam plays a role in establishing students personality.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Tujuan Kajian	6
1.5 Soalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Definisi Operasional	9
1.8.1 Kajian	9
1.8.2 Kesantunan	9
1.8.3 Berbahasa	9
1.8.4 Novel	10
1.8.5 Komsas	10
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	11



2.2	Kajian-kajian Kesantunan	12
2.3	Perkembangan Kajian Kesantunan	16
2.4	Perbezaan Kesantunan antara Barat dengan Timur	19
2.5	Bidang Kesantunan di Malaysia	19
2.6	Kesantunan Menurut Perspektif Islam	22
2.7	Rumusan	24

BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pendahuluan	25
3.1	Alat Kajian	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	26
	3.2.1 Kaedah Analisis Isi Kandungan	26
	3.2.2 Kaedah Kajian Perpustakaan	27
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	31
3.4	Kaedah Penganalisan Data	31
3.5	Rumusan	32

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	33
4.1	Dapatan Kajian	33
4.2	Rumusan	37

BAB 5 PENUTUP

5.0	Pendahuluan	66
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian	66
5.2	Cadangan	78
5.3	Kesimpulan	80

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa merupakan khazanah yang tidak ternilai harganya bagi sesuatu bangsa. Bahasa dianggap jati diri bangsa yang menggambarkan identiti serta latar budaya bangsa tersebut. Malah ada yang berpendapat bahawa bahasa lahir seiring dengan budaya bangsa. Nik Safiah Karim (1999) menyatakan bahasa digunakan sebagai alat perhubungan, saluran yang menyampaikan buah fikiran dan perasaan. Agar mesej yang ingin disampaikan itu benar-benar difahami, maka bahasa yang digunakan hendaklah betul, tepat dan berkesan.

Bahasa menjadi wadah penting untuk menyampaikan pendapat, buah fikiran mahupun isi hati. Bahasa yang santun melambangkan ketinggian ilmu dan kekayaan budaya sesuatu bangsa. Penggunaan bahasa yang santun mampu mewujudkan situasi bermakna dalam pelbagai aspek kehidupan manusia.

Asmah (1986:178) menyatakan bahasa merupakan firasat atau petunjuk bagi kebudayaan yang diketahui dan diterima umum. Secara tidak langsung, bahasa mencerminkan kebudayaan penutur. Bahasa berfungsi sebagai penghubung yang baik di antara manusia dan organisasi yang lain. Melalui bahasa, manusia dapat melahirkan perasaan seperti suka, duka, kehendak dan keinginan.



S. Nathesan (1991:14) menyatakan bahasa mampu menjadi alat untuk menjalinkan perhubungan sesama individu atau dengan masyarakat. Kesantunan dan kesopanan merupakan elemen penting khususnya orang Melayu. Dalam hal ini, masyarakat Melayu sudah lama terkenal sebagai masyarakat yang kaya dengan adab dan sopan. Masyarakat Melayu dikatakan lazim mengungkapkan bahasa secara halus, petuturan yang sopan dan tertib ketika berinteraksi antara satu sama lain. Umumnya orang yang menggunakan bahasa yang halus dan sopan dikatakan tinggi budaya bahasanya.

Bahasa bukan setakat alat untuk menyampaikan maklumat semata-mata, tetapi turut berperanan dalam menyampaikan perasaan penuturnya. Melalui bahasa, kita dapat melahirkan dan mengungkapkan pemikiran.

Berbudi bahasa secara istilahnya adalah sebahagian akhlak mulia yang sangat dituntut dalam ajaran Islam. Hal ini bersesuaian dengan galakan agama yang menyatakan kepentingan menjaga suara hati dan pertuturan sebagai garis permulaan mempertingkatkan budi pekerti diri. Allah s.w.t. berfirman dalam Surah An-Nisa' ayat 148 yang bermaksud :

"Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali orang yang dianiyakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa mendengar, lagi maha mengetahui."





1.2 Latar Belakang

Kesantunan berbahasa merupakan fenomena yang menarik untuk dikaji daripada pelbagai perspektif. Aspek kesantunan bahasa telah diterapkan dalam Pendidikan Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan memberi penekanan penguasaan bahasa yang bermutu berasaskan ketepatan, kecekapan berbahasa dan kepekaan terhadap variasi bahasa Melayu dalam pelbagai situasi. Bahasa yang indah merangkumi unsur nilai, budi, budaya tinggi penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu yang menepati peraturan bahasa. Sehubungan itu, bahasa bukan sahaja berfungsi menerokai ilmu dan menuntut keupayaan kognitif aras tinggi, tetapi mencakupi hal berkaitan nilai kebudayaan yang menyeluruh.

Bangsa Melayu amat terkenal dengan kesantunan bahasa. Bahasa Melayu sering dikaitkan dengan bahasa yang indah, sopan dan lembut yang diperlihatkan melalui pertuturan. Kesantunan orang-orang Melayu terserlah dengan penggunaan penanda-penanda sopan, iaitu beradab sebanyak mungkin kepada si pendengar. Semakin banyak penanda santun digunakan dalam sesuatu ujaran maka akan bertambahlah tingkat kesantunan si penutur.

Hal ini sesuai dengan ciri-ciri kesopanan yang dimiliki oleh orang-orang Melayu yang dianggap pemalu, lembut dan penuh keprihatinan terhadap orang lain. Antara penanda santun yang biasa diamalkan dalam masyarakat Melayu ialah penggunaan kata ganti nama diri yang betul,





sesuai dengan kedudukan atau darjat seseorang di samping penggunaan ungkapan seperti tolong, sila, maaf, tumpang dan sebagainya.

Dalam kalangan masyarakat Melayu, kesantunan kerap dikaitkan dengan perlakuan berbahasa dan perlakuan bukan berbahasa yang menepati nilai sosiobudaya orang Melayu yang halus dan mementingkan perasaan orang di sekeliling, seperti orang yang lebih tua dalam masyarakat.

Dalam usaha kerajaan membentuk warganegara yang berjati diri, memelihara adab dan kesopanan bahasa atau santun berbahasa, masyarakat sewajarnya mengamalkannya daripada kalangan pemimpin hingga kepada rakyat biasa. Dengan demikian, rakyat dan negara kita bukan sahaja maju dalam pembangunan ekonomi, sains dan teknologi, tetapi akan dihormati sebagai bangsa yang mempunyai maruah dan keperibadian yang tinggi.

Kesantunan bahasa ialah tatacara atau peraturan yang wujud dalam berbahasa, merujuk kepada cara dan bentuk bahasa yang digunakan oleh seseorang itu dengan penuh sopan, tidak biadab atau kurang ajar. Kesantunan bahasa merangkumi aspek-aspek seperti pemilihan kata yang digunakan ketika bertegur sapa (bahasa sapaan), nada, gerak laku dan gaya yang digunakan ketika berkomunikasi.

Kesantunan bahasa sering kali dapat dilihat dalam interaksi antara individu yang berkomunikasi. Tatabahasa atau tatacara berbahasa harus sesuai dengan norma-norma budaya sesuatu masyarakat yang



menggunakan bahasa tersebut. Bahasa yang baik menunjukkan budaya yang sihat sesebuah masyarakat dan sebaliknya.

Awang Sariyan (2007:1) menyatakan kesantunan bahasa secara umum, merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Kesantunan bahasa menjadi salah satu ciri penting bahasa yang bertamadun.

1.3 Permasalahan Kajian

Pengkaji membuat kajian kesantunan berbahasa berdasarkan novel *Kompenan sastera (Komsas)* di sekolah menengah. Hal ini kerana kurikulum Bahasa Melayu dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah Menengah mempunyai kaitan dengan kesantunan berbahasa.

Berdasarkan pemerhatian di sekolah, pengkaji mendapati aspek kesantunan pelajar sekolah menengah terutama sewaktu berinteraksi sesama sendiri atau berkomunikasi dengan guru sangat kurang dipraktikkan. Kelemahan ini menunjukkan bahawa terdapat masalah sama ada dalam pengajaran dan pembelajaran mahu pun kesungguhan guru-guru sendiri mengamalkan nilai-nilai kesantunan berbahasa di sekolah.

Selain permasalahan tersebut, sewaktu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terutama dalam melibatkan teks *Komsas*, guru



kurang menitikberatkan unsur-unsur kesantunan berbahasa, sebaliknya unsur-unsur seperti watak, plot, tema, latar, pengajaran daripada cerita lebih difokuskan oleh guru-guru. Pengkaji berpendapat unsur kesantunan berbahasa sepatutnya lebih diberi tumpuan kerana nilai kesantunan ini lebih banyak digunakan oleh pelajar sewaktu berkomunikasi dengan guru atau berbual dengan rakan-rakan di dalam atau di luar bilik darjah. Dengan mempelajari nilai-nilai kesantunan ini, pelajar juga dapat berbual-bual dengan rakan-rakan dan keluarga dengan kata dan ungkapan yang sesuai, menyapa dan memperkenalkan diri kepada seseorang dan memperkenalkan seseorang lain dengan mesra dan santun. Pelajar juga akan dapat memahami dan menggunakan gelaran atau panggilan yang sesuai bagi seseorang.

Teknik pengajaran yang diterapkan oleh guru dalam menekan aspek kesantunan berbahasa juga agak kurang dilaksanakan di bilik darjah. Sewajarnya kaedah dan teknik pengajaran yang lebih baik perlu digunakan untuk menerapkan nilai kesantunan berbahasa di dalam dan di luar bilik darjah.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dibuat bertujuan:

1. Mengkaji bentuk kesantunan berbahasa dalam lima novel Komsas.





2. Mengenal pasti perbezaan dan persamaan ciri-ciri kesantunan berbahasa dalam novel kajian.
3. Membuktikan bahawa nilai-nilai kesantunan Islam amat berperanan dalam pembentukan sahsiah pelajar di sekolah.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan:

1. Adakah nilai kesantunan dalam novel-novel Komsas dapat membentuk pelajar bersopan sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN)?
2. Apakah strategi kesantunan berbahasa yang digunakan oleh pengarang-pengarang novel Komsas?
3. Apakah nilai-nilai Islam yang paling ketara dalam novel-novel yang dikaji?

1.6 Kepentingan Kajian

Pengkaji berpendapat kajian ini penting untuk diselidiki kerana bidang kesantunan berbahasa mewarnai perlakuan orang Melayu dan nilai kesantunan kuat berpaut pada nilai keislaman. Setiap penggunaan bahasa yang datang daripada hati yang ikhlas, diterima sebagai perlakuan yang santun.





Oleh itu, kajian ini mempunyai kepentingan yang tersendiri terutama bagi memantapkan lagi keberkesanan serta untuk mencapai objektif pengajaran Komsas di sekolah.

Selain itu, kajian ini juga dapat membantu menyelesaikan masalah, kaedah atau pendekatan yang boleh digunapakai dalam usaha menerapkan nilai kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar sekolah dan juga guru-guru.

1.7 Batasan Kajian

Kementerian Pelajaran telah menetapkan pengajaran Komsas diajar berpandukan buku teks yang telah ditetapkan. Guru-guru wajib menggunakan teks tersebut sebagai bahan pengajaran di dalam kelas. Buku teks Komsas mengandungi novel, cerpen, drama, puisi moden dan tradisional serta prosa tradisional. Pengkaji hanya memberi tumpuan untuk novel-novel Komsas sahaja.

Kajian yang dilakukan ini berdasarkan kajian perpustakaan. Pengkaji membuat kajian berdasarkan lima buah novel Komsas yang diwajibkan kepada semua pelajar di sekolah menengah di Malaysia iaitu, **Aku Anak Timur** (Tingkatan Satu), oleh Siti Aminah Haji Yusof. Novel **Sarjan Hassan** (Tingkatan Dua), pengarangnya Harun Johari. Novel **Merdeka! Merdeka!** (Tingkatan Tiga) oleh A. Rahman Hanafiah. **Perlumbaan Kedua** (Tingkatan Empat), oleh Marwilis Haji Yusof. Novel **Julia** (Tingkatan Lima) oleh Abu Hassan





Morad. Kelima-lima novel ini ialah novel yang dipelajari di wilayah utara Malaysia.

Novel yang digunakan dalam kompenan sastera iaitu **Aku Anak Timur** telah memenangi Hadiah Sastera Remaja ESSO-GAPENA, novel **Merdeka! Merdeka!** pula memenangi hadiah ketiga Peraduan Menulis Novel Sejarah (Kanak-kanak) DBP 1981 dan novel **Julia** adalah pemenang Hadiah Sastera Utusan Melayu- Public Bank.

Kajian ini membataskan kepada lima ciri utama strategi berbahasa iaitu, Analisis Rabbani, Analisis Budaya, Analisis Maaf, Analisis Terima Kasih dan Analisis Strategi Panggilan.



1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Kajian

Didefinisikan sebagai satu kegiatan atau usaha atau proses mengkaji.

1.8.2 Kesantunan

Kesantunan dalam kajian ini memfokuskan aspek pemilihan bahasa yang indah, sesuai dan tidak menyinggung perasaan. Kesantunan bahasa merujuk kepada sifat-sifat bahasa yang kaya dengan kesopanan dan kehalusan khususnya ketika berkomunikasi sama ada melalui lisan atau





tulisan kepada orang yang dihormati, orang yang setaraf dengan kita atau orang yang lebih rendah kedudukannya.

1.8.3 Berbahasa

Membawa maksud percakapan yang baik, tingkah laku yang baik, dan sopan santun.

1.8.4 Novel

Cerita dalam bentuk prosa yang agak panjang. Perkataan novel berasal daripada kata novella yang bermaksud "Perkhabaran baharu". Novel ialah kisah rekaan yang ditulis dalam bentuk prosa dan penulisannya adalah berdasarkan pengalaman hidup manusia dan dengan imaginasi pengarang.

1.8.5 Komsas

Akronim yang membawa maksud komponen sastera. Kementerian Pelajaran Malaysia mewajibkan semua pelajar sekolah menengah mempelajari kesusasteraan yang diserapkan melalui mata pelajaran Bahasa Melayu dengan nama Komponen Sastera (Komsas) dalam Bahasa Melayu. Pembelajaran Komsas bermula pada tahun 2000 untuk pelajar tingkatan 1 dan 4, manakala pada tahun 2001 semua pelajar sekolah menengah daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5 diajarkan Komsas.

